**P.U. (A) 126.**

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA (TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR) (PINDAAN) 1996

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16C Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Majlis Universiti bagi Universiti Pertanian Malaysia membuat kaedah-kaedah yang berikut: *Akta 30.*

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Universiti Pertanian Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) (Pindaan) 1996.** Nama.

2. Kaedah-Kaedah Universiti Pertanian Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1975, yang disebut "Kaedah-Kaedah ibu" dalam Kaedah-Kaedah ini, adalah dipinda dalam kaedah 2— Pindaan kaedah 2. *P.U. (A) 353/75.*

*(a)* dengan memasukkan selepas takrif "meletak kereta" takrif yang berikut:

' "menipu" termasuklah meniru;';

*(b)* dengan memasukkan selepas takrif "pegawai" takrif yang berikut:

' "pelajar" termasuklah mana-mana pelajar ijazah lanjutan, pelajar separuh masa, pelajar rancangan pengajian luar kampus, pelajar diploma, pelajar matrikulasi, pelajar tanpa ijazah bagi Universiti dan mereka yang mengikuti kursus secara penuh masa atau secara separuh masa di Universiti;'; dan

*(c)* dengan memasukkan selepas takrif "Pengetua" takrif yang berikut:

' "peperiksaan" termasuklah apa-apa cara atau kaedah penilaian untuk memberi markah atau gred bagi sesuatu kursus atau sebahagian daripadanya;'.

Pindaan kaedah 3.

3. Kaedah 3 Kaedah-Kaedah ibu adalah dipinda dengan menggantikan noktah di hujung perenggan *(k)* dengan perkataan "; atau " dan memasukkan selepasnya perenggan yang berikut:

"*(l)* menipu atau cuba menipu atau berkelakuan dengan cara yang boleh dianggapkan sebagai menipu atau cuba menipu dalam sesuatu peperiksaan semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.".

Pindaan kaedah 16.

4. Kaedah-Kaedah ibu adalah dipinda dengan menggantikan kaedah 16 dengan kaedah yang berikut:

"Meminum. dsb. minuman keras dan berkelakuan tidak senonoh.

16. (1) Tiada seorang pelajar pun boleh meminum atau ada dalam milikannya, di bawah jagaannya atau kawalannya apa-apa minuman keras di dalam Kampus.

(2) Mana-mana pelajar yang berkelakuan tidak senonoh di dalam Kampus kerana pengaruh minuman keras adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.".

Kaedah baru 22A.

5. Kaedah-Kaedah ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 22 kaedah yang berikut:

"Kuasa Naib Canselor untuk mengeluarkan arahan mengenai cara pelajar berpakaian.

22A. Naib Canselor boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan perlu, secara bertulis, berhubungan dengan cara berpakaian bagi pelajar di dalam Kampus.".

Dibuat 3 Februari 1996.
[KP. S(PT) 10030/3/Jld. IV; PN (PU$^2$) 75/V.]

TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB,
*Pengerusi,*
*Majlis Universiti Pertanian Malaysia*

## UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

### UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA (DISCIPLINE OF STUDENTS) (AMENDMENT) RULES 1996

*Act 30.*

IN exercise of the powers conferred by section 16C of the Universities and University Colleges Act 1971, the University Council of the Universiti Pertanian Malaysia makes the following rules:

Citation.

1. These rules may be cited as the **Universiti Pertanian Malaysia (Discipline of Students) (Amendment) Rules 1996.**

2. The Universiti Pertanian Malaysia (Discipline of Students) Rules 1975, which in this Rules is referred to as "the principal Rules", is amended in rule 2— Amendment of rule 2. P.U. (A) 353/75.

(*a*) by inserting after the definition of "authorised person" the following definition:

' "cheating" includes copying;';

(*b*) by inserting after the definition of "drug" the following definition:

' "examinations" includes any manner or method of assessment which results in a mark or a grade for a specific course or part thereof;'; and

(*c*) by inserting after the definition of "staff" the following definition:

' "student" includes any postgraduate student, part-time student, student under the off-campus programme, diploma student, matriculation student, non-graduating student of the University and those doing full-time or part-time courses at the University;'.

3. Rule 3 of the principal Rules is amended by substituting for the full stop at the end of paragraph (*k*) the words "; or" and inserting thereafter the following paragraph: Amendment of rule 3.

"(*l*) cheat or attempt to cheat or conduct himself in a manner which can be construed as cheating or attempting to cheat in an examination, while the examination is being conducted.".

4. The principal Rules is amended by substituting for rule 16 the following rule: Amendment of rule 16.

"Consuming, etc. liquor and behaving in a disorderly manner.

16. (1) No student shall, within the Campus, consume or have in his possession, custody or control any liquor.

(2) Any student who behaves in a disorderly manner under the influence of liquor, within the Campus, shall be guilty of a disciplinary offence.".

5. The principal Rules is amended by inserting after rule 22 the following rule: New rule 22A.

"Power of Vice-Chancellor to issue directions on manner of dressing of students.

22A. The Vice-Chancellor may issue such directions, in writing, as he deems necessary in relation to the manner of dressing of students in the Campus.".

Made 3 February 1996.
[KP.S(PT) 10030/3/Jld. IV; PN (PU2) 75/V.]

TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB,
*Chairman,*
*Council of the University Pertanian Malaysia*